



KENYATAAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor Bumiputera yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPPIM) / CIDB bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

TAJUK SEBUT HARGA : CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF PENDAWAIAN ELEKTRIK SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI GIATMARA BANDAR TUN RAZAK, WILAYAH PERSEKUTUAN
NO SEBUT HARGA : GMWP (PGN) SH2/2023

TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK DAN PENJUALAN SEBUT HARGA	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA SENASKAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA
<p>TARIKH TAKLIMAT, LAWATAN TAPAK & JUALAN SEBUT HARGA: 11 JULAI 2023</p> <p>MASA : 10.00 PAGI SEHINGGA 12.00 TENGAHARI SAHAJA</p> <p>TEMPAT TAKLIMAT, LAWATAN TAPAK & JUALAN SEBUT HARGA : GIATMARA BANDAR TUN RAZAK, ARAS 2 PUSAT KOMERSIAL KOMUNITI, BANDAR TUN RAZAK, JALAN BUDIMAN, 56000 CHERAS, KUALA LUMPUR.</p>	<p>1. Kontraktor DIWAJIBKAN untuk membuat *pendaftaran secara atas talian dengan capaian pautan atau mengimbas QR kod seperti di bawah:</p>  <p>*kontraktor perlu memuat naik semua salinan lesen berkaitan di dalam pautan seperti di para 2.</p> <p>2. Kod Bidang Kerja Berkaitan: CIDB GRED : G1/G2 KONTRAKTOR DALAM DAERAH/NEGERI SAHAJA) KATEGORI : E PENGKHUSUSAN : 04</p>	RM 50.00	<p>TARIKH: 21 JULAI 2023</p> <p>MASA: 12.00 T/HARI</p>

- Kontraktor hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan mengambil dokumen:-
 - Sijil Pendaftaran Kontraktor **SSM**.
 - Perakuan Pendaftaran Kontraktor oleh **CIDB**.
 - Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh **CIDB**.
 - Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari **BPKU**.

Satu (1) salinan SIJIL-SIJIL di atas hendaklah dikemukakan untuk simpanan GIATMARA semasa mengambil dokumen. GIATMARA berhak menolak permohonan yang pada tanggapan GIATMARA tidak layak.

- Dokumen sebut harga boleh diperolehi pada tarikh dan waktu taklimat tapak. Wang ini tidak akan dikembalikan. Satu (1) kontraktor hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.

- KONTRAKTOR YANG BERMINAT DIWAJIBKAN MENGHADIRI TAKLIMAT SEBUTHARGA SEPERTI ALAMAT DI ATAS. WAKIL SYARIKAT ADALAH TIDAK DIBENARKAN UNTUK MENGHADIRI TAKLIMAT SEBUTHARGA DAN MEMBELI DOKUMEN. HANYA PEMILIK SYARIKAT/PENAMA YANG DIBENARKAN MENGHADIRI LAWATAN TAPAK DAN PENGAMBILAN DOKUMEN DENGAN MENGEMUKAKAN KAD PENGENALAN DAN SIJILAKAUN PENDAFTARAN SYARIKAT UNTUK PENGESAHAN. TAWARAN DIANGGAP SEBAGAI TIDAK SAH JIKA PENGESAHAN LAWATAN TAPAK DAN TAKLIMAT SEBUTHARGA TIDAK DITANDATANGANI OLEH PEGAWAI PENGUSAHA YANG DILANTIK OLEH GIATMARA SEMASA MENGHADIRI TAKLIMAT SEBUTHARGA.**

- Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah tanggungjawab kontraktor.
- GIATMARA tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. GIATMARA berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
- Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan **No. Sebut Harga dan Tajuk Kerja di sebelah kiri bahagian atas sampul surat** dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** seperti alamat di bawah:-

**PENGARAH GIATMARA NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN
PEJABAT GIATMARA NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN 29-1, JALAN 46/B/26, PUSAT
BANDAR SRI RAMPAI, SETAPAK 53300 KUALA LUMPUR.**

Pada atau sebelum tarikh tutup sebut harga 21 JULAI 2023 jam 12.00 tengahari

- Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tidak akan diterima. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh layari <http://www.giatmara.edu.my/>